

PENENTUAN HARTA PUSAKA DI MALAYSIA: KAJIAN DARI PERSPEKTIF UNDANG-UNDANG SIVIL DAN SYARIAH

*(Determination of an Estate in Malaysia: A Study from Civil Law and
Syariah Perspectives)*

Akmal Hidayah Halim
akmalh@iiium.edu.my

Kulliyyah Undang-undang Ahmad Ibrahim,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia,
Kuala Lumpur, MALAYSIA.

Azhani Arshad
Fakulti Undang-undang,
Universiti Teknologi Mara (UiTM),
40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA.

Abstrak

Dalam pentadbiran harta pusaka, perkara yang sering menjadi pertikaian adalah tentang penentuan had dan bentuk harta yang dianggap sebagai harta pusaka si mati sebelum dibahagikan kepada waris yang berhak. Dalam banyak keadaan, tuntutan dibuat oleh pihak berkepentingan supaya harta tersebut dikeluarkan daripada senarai harta pusaka si mati dan tidak dianggap sebagai harta pusaka yang boleh dibahagikan. Makalah ini bertujuan mengenal pasti had dan bentuk harta yang ditinggalkan oleh si mati yang dianggap sebagai harta pusaka dan perlu dibahagikan mengikut pembahagian yang sepatutnya. Perbincangan memfokuskan isu berkenaan akaun bersama, harta penama, pencen terbitan dan *ex-gratia*, yang selalu menjadi subjek pertikaian sama ada dikira sebagai harta si mati ataupun tidak. Peruntukan undang-undang dan kes berkaitan isu ini dikaji dan dirumuskan bagi memperjelas kedudukan harta tersebut. Makalah ini merumuskan bahawa terdapat keperluan peruntukan undang-undang yang khusus bagi memperjelas kedudukan harta pusaka dengan tepat.

Kata kunci: harta pusaka orang Islam, akaun bersama, akaun penama, pencen, *ex-gratia*, Malaysia, mahkamah syariah

Abstract

In the administration of estates in Malaysia, the bone of contention is the determination of the extent and types of property that shall be regarded as the deceased's estate before it can be distributed to the rightful legal heirs. In many instances, claims have been made by the interested party for a particular property to be excluded from the list of the deceased's estates and should not be subject to such distribution. This article seeks to examine the extent and types of property left by the deceased that are considered as estates which warrant distribution accordingly. The discussion focuses on the issues of joint accounts, nominated estates, derivative pension and ex-gratia, which have always been the subject of disputes on whether such properties should form part of the deceased's estates or not. Relevant statutory provisions and decided cases on these issues are analysed and propounded accordingly to elucidate the position of such properties in the deceased's estates. This article sums up that there is a need for specific statutory provisions to precisely clarify with respect to what is considered as the deceased's estate.

Keywords: Muslim deceased's estate, joint accounts, nominated estates, pension, ex-gratia, Malaysia, Syariah court

PENGENALAN

Apabila berlakunya sesuatu kematian, perkara yang selalu menjadi pertikaian adalah berkenaan dengan pembahagian harta pusaka si mati. Di Malaysia, undang-undang memperuntukkan bahawa sebelum sesuatu harta pusaka si mati dapat dibahagikan kepada waris atau pihak yang berhak, harta tersebut hendaklah ditadbir terlebih dahulu mengikut prosedur perundangan yang telah ditetapkan.

Pentadbiran harta pusaka bermaksud suatu proses berkaitan harta pusaka si mati yang melibatkan pengumpulan harta si mati, penyelesaian hutang dan baki sebelum dibahagikan kepada waris yang berhak. Di Malaysia, proses ini melibatkan tiga peringkat, iaitu pemerolehan geran perwakilan sama ada daripada Mahkamah Tinggi, Unit Pembahagian Pusaka Kecil ataupun Amanah Raya Berhad, bergantung pada nilai dan bentuk harta yang ditinggalkan oleh si mati. Kemudian, proses untuk mentadbir harta si mati sama ada secara penjualan harta kepada pembeli yang berkenaan atau turun milik kepada waris (berkaitan harta tak alih) atau menuntut, menjual dan menukarkan kepada wang mana-mana bahagian harta tersebut yang bukan terdiri daripada wang (berkaitan harta alih). Akhirnya, hasil jualan

atau wang yang diperoleh tersebut perlu dibahagikan kepada waris menurut wasiat ataupun mengikut undang-undang pembahagian yang terpakai¹ setelah ditolak segala perbelanjaan yang berkaitan seperti perbelanjaan pengebumian, wasiat dan perbelanjaan urusan pentadbiran, hutang piutang, liabiliti atau lain-lain.

Antara isu berbangkit dalam pentadbiran harta pusaka adalah untuk mengenal pasti harta si mati yang dimaksudkan ataupun dikategorikan sebagai harta pusaka sama ada dalam bentuk harta alih ataupun harta tak alih. Walau bagaimanapun, perbincangan dalam makalah ini berkisar pada penentuan harta pusaka si mati dalam bentuk harta alih sahaja. Terdapat pelbagai bentuk harta alih yang tertakluk pada pelbagai peruntukan statut berkenaan dengan status sesuatu harta alih tersebut sebagai harta pusaka. Dalam sesetengah keadaan mahkamah boleh memutuskan sebaliknya. Bagi sesuatu harta tak alih pula, tuntutan sama ada harta tersebut dikira sebagai harta pusaka ataupun tidak amatlah bergantung pada tuntutan seperti hibah, wakaf ataupun wasiat yang memerlukan perbincangan yang berasingan dan lebih spesifik.

Oleh itu, sejauh mana sesuatu harta alih dikira sebagai harta pusaka menurut perspektif undang-undang sivil dan syariah akan dikupas dalam makalah ini. Perbincangan juga menyentuh berkenaan dengan bidang kuasa mahkamah syariah dalam pentadbiran harta pusaka si mati yang beragama Islam. Fokus perbincangan makalah berkenaan dengan status harta alih yang selalu mencetuskan pertikaian, seperti akaun bersama, harta penama yang termasuk caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, wang atau saham koperasi, wang polisi insurans hayat, takaful, wang simpanan di Lembaga Tabung Haji, pencen dan gratuiti terbitan serta pembayaran *ex-gratia*.

BIDANG KUASA PENENTUAN HARTA PUSAKA

Isu bidang kuasa adalah amat penting di bawah peruntukan undang-undang. Bidang kuasa merujuk kuasa untuk mendengar dan menentukan kes-kes yang tertentu. Dalam konteks penentuan harta pusaka, Kaedah Am, Perkara 74(1) Perlembagaan Persekutuan yang memberikan parlimen kuasa untuk membuat atau menggubal undang-undang berkaitan perkara-perkara yang disenaraikan dalam Senarai Persekutuan atau Senarai Bersama, iaitu Senarai I dan III dalam Jadual Kesembilan adalah relevan. Antara perkara yang disebut dalam Senarai Persekutuan ialah pewarisan, berwasiat, tak berwasiat,

¹ Pembahagian mengikut undang-undang tertakluk pada Akta Pembahagian 1958 untuk orang bukan Islam dan faraid bagi orang Islam.

probet dan surat kuasa mentadbir yang tidak termasuk undang-undang diri orang Islam berkaitan hibah atau pewarisan, berwasiat atau tak berwasiat.

Berdasarkan senarai tersebut, perkara probet dan surat mentadbir pusaka telah diletakkan di bawah senarai kuasa Perundangan Persekutuan (Senarai I Jadual Kesembilan). Senarai ini menunjukkan bahawa dalam urusan pentadbiran pusaka si mati, terutamanya dari sudut prosedur pentadbiran harta pusaka, tertakluk pada Perundangan Persekutuan. Secara umumnya, terdapat tiga badan pentadbiran yang mempunyai bidang kuasa untuk mentadbirkan harta pusaka si mati. Badan ini terdiri daripada Mahkamah Tinggi Sivil, Seksyen Pembahagian Pusaka Kecil dan juga Amanah Raya.

Mahkamah syariah tidak mempunyai bidang kuasa untuk memerintahkan pembahagian harta si mati atau dalam pemberian surat kuasa mentadbir harta pusaka. Perkara ini juga telah dipersetujui oleh Mahkamah Rayuan Syariah dalam kes *Jumaaton dan Raja Delila lwn Raja Hizaruddin* [1998] 6 MLJ 556. Dalam kes ini, mahkamah rayuan syariah telah memutuskan bahawa mahkamah syariah tidak mempunyai bidang kuasa dalam perkara probet dan surat kuasa mentadbir, kerana perkara probet dan surat mentadbir pusaka terletak di bawah Senarai Kuasa Perundangan Persekutuan, dan undang-undang berkaitan tersebut (sepertimana terdapat dalam Akta Probet dan Pentadbiran 1959) tidak dikecualikan bagi orang Islam.

Oleh yang demikian, badan perundangan negeri dan mahkamah syariah tidak mempunyai bidang kuasa dalam perkara probet dan surat mentadbir pusaka.² Sehubungan dengan itu, mahkamah syariah tidak mempunyai bidang kuasa untuk berurusan dalam aspek undang-undang dan prosedur pentadbiran harta orang Islam, dan hanya mempunyai bidang kuasa yang terhad dalam pentadbiran harta pusaka si mati seperti yang termaktub dalam Senarai Negeri (Senarai II Jadual Kesembilan) Perlembagaan Persekutuan serta peruntukan-peruntukan enakmen-enakmen atau akta pentadbiran agama Islam negeri-negeri. Peruntukan berkenaan secara nyata memperuntukkan bidang kuasa mahkamah syariah berkaitan pewarisan atau undang-undang harta untuk orang Islam merangkumi wasiat atau alang semasa *marad-al-maut*; alang semasa hidup, atau penyelesaian yang dibuat tanpa balasan yang memadai dengan wang atau nilai wang oleh seseorang orang Islam; pembahagian dan pewarisan harta berwasiat atau

2 Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan dari sudut bidang kuasa mahkamah syariah di Sabah dengan mahkamah syariah di Semenanjung Malaysia. Seksyen 11 (b) (viii) Enakmen Mahkamah Syariah 2004 Sabah memperuntukkan bahawa mahkamah syariah dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan, antara lain pelantikan wasi dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Peruntukan ini telah memberikan bidang kuasa kepada mahkamah syariah di negeri Sabah bagi pemberian surat kuasa mentadbir untuk harta pusaka orang Islam di Sabah.

tak berwasiat; dan penentuan orang-orang yang berhak kepada bahagian harta pusaka seseorang si mati yang beragama Islam atau bahagian-bahagian yang kepadanya masing-masing orang itu berhak.³

Dalam kes *Latifah bte Mat Zin lwn Rosmawati bte Sharibun & Satu Lagi*⁴, Mahkamah Persekutuan telah mengekalkan keputusan mahkamah rayuan dan membenarkan pernyataan terhadap bidang kuasa mahkamah syariah. Perkara pertikaian dalam kes tersebut berhubung dengan wang dalam akaun bersama si mati dan perayu dalam institusi perbankan. Mahkamah telah memutuskan bahawa isu pertikaian adalah mengenai suatu hibah atau pemberian alang semasa hidup antara orang Islam yang bukan merupakan satu perkara probet dan pentadbiran. Oleh itu, bidang kuasa untuk memutuskan perkara tersebut terletak pada mahkamah syariah.

Secara umumnya enakmen pentadbiran agama Islam negeri-negeri memperuntukkan bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan kes yang berkaitan dengan pewarisan atau undang-undang harta untuk orang Islam yang juga termasuk bidang kuasa untuk menentukan status harta si mati sama ada merupakan harta pusaka atau tidak. Namun demikian, dalam kes *Azzaharuddin bin Mohd Nadzir lwn Nordin bin Mohd Nazir & Lain-lain*⁵, Mahkamah Tinggi Syariah telah memutuskan bahawa mahkamah syariah tiada bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan tentang isu pengisytiharan sesuatu harta sebagai harta pusaka kerana tiada peruntukan yang jelas dalam mana-mana undang-undang yang terpakai bagi mahkamah syariah. Peruntukan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Selangor) 2003 (yang dirujuk dalam kes ini) hanyalah berkenaan kuasa mahkamah menentukan orang-orang yang berhak kepada bahagian harta pusaka seseorang si mati yang beragama Islam⁶ atau bahagian-bahagian yang kepadanya masing-masing berhak.⁷

Kesimpulannya, dalam sesuatu permohonan bagi penentuan status sesuatu harta si mati, sama ada merupakan harta pusaka atau tidak, isu yang menjadi pertikaian terhadap kedudukan harta si mati perlulah diperincikan sama ada melibatkan tuntutan harta sepencarian, keabsahan sesuatu pemberian semasa hidup atau hibah, wasiat, wakaf ataupun *nazr* supaya permohonan tersebut selari dengan mana-mana peruntukan bertulis berkenaan dengan bidang kuasa mahkamah syariah. Kegagalan untuk berbuat demikian hanya

3 Seksyen 61(3)(b)(viii), (ix) dan seksyen 65 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Selangor) 2003. Penentuan berkenaan dengan orang-orang yang berhak kepada bahagian harta pusaka si mati dibuat melalui pengeluaran Sijil Perakuan Pewarisan.

4 [2007] 5 *MLJ* 101.

5 [2009] 4 *ShLR* 106.

6 Seksyen 65(a), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Selangor) 2003.

7 Seksyen 65(b), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Selangor) 2003.

akan menyebabkan sesuatu permohonan untuk pengisytiharan harta si mati sebagai harta pusaka mungkin akan ditolak kerana mahkamah syariah tidak mempunyai bidang kuasa yang nyata untuk mendengar dan memutuskan permohonan sedemikian.⁸

HARTA PUSAKA MENURUT UNDANG-UNDANG

Secara umumnya, dari sudut bahasa, harta bermaksud barang yang berharga. Harta pusaka pula secara spesifik merujuk harta warisan atau harta peninggalan si mati.⁹ Definisi harta mengikut seksyen 2 Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999¹⁰ termasuk harta alih dan tak alih, ialah apa-apa manfaat dalam harta alih atau tak alih, hak, hak milik, tuntutan, hak dalam tindakan, sama ada pada masa sekarang atau pada masa hadapan, atau yang selainnya mempunyai nilai menurut hukum syarak. Harta pusaka pula bermaksud semua harta peninggalan si mati.

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, makalah ini hanya akan membincangkan mengenai kedudukan beberapa bentuk harta alih yang selalu menjadi isu berbangkit dalam sesuatu proses pentadbiran pusaka. Secara umumnya, harta alih meliputi saham dan wang simpanan dalam mana-mana akaun selain wang tunai dan barang peribadi si mati. Dari sudut undang-undang, seksyen 3 Akta Tafsiran 1967 merujuk harta alih kepada segala harta selain harta tak alih, iaitu tanah dan mana-mana kepentingan hak, atau faedah yang diperoleh atau akan diperoleh daripada tanah. Kaedah-kaedah Pengurusan Wasiat Orang Islam (Selangor) 2008¹¹ pula merujuk harta alih sebagai harta fizikal yang boleh dialihkan ke tempat lain atau jika dialihkan harta tersebut tidak akan rosak atau binasa.¹²

Bagi tujuan perbincangan, harta alih si mati boleh diklasifikasikan seperti yang berikut:

(1) Wang Simpanan

Secara amnya, semua wang yang didepositkan ke dalam akaun si mati di mana-mana institusi kewangan ketika hidupnya dianggap sebagai harta

8 Bidang kuasa mahkamah syariah dalam kes sebegini sangat bergantung pada rujukan dan tafsiran yang dibuat terhadap peruntukan undang-undang berkenaan dengan hal ini. Jika rujukan dibuat kepada peruntukan seksyen 65 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Selangor) 2003 semata-mata maka adalah jelas bahawa mahkamah syariah tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan tentang isu penentuan harta pusaka. Namun rujukan kepada peruntukan induk seksyen 61 Enakmen yang sama jelas menunjukkan bahawa wujud bidang kuasa untuk permohonan sedemikian yang diberikan secara umum.

9 *Kamus Dewan* Edisi 4, <<http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=harta>> diakses pada 17 Februari 2013.

10 EN 4/ 1999.

11 Sel. P.U. 8/2008.

12 Kaedah 2, Kaedah-kaedah Pengurusan Wasiat Orang Islam (Selangor) 2008.

pusaka dan perlu dibahagikan kepada waris atau benefisiari sama ada menurut Akta Pembahagian 1958 bagi atau faraid (mengikut mana yang berkenaan).

Walau bagaimanapun, persoalan yang sering timbul adalah berkenaan wang yang didepositkan dalam akaun bersama, atas nama si mati bersama mana-mana penama atau pihak ketiga. Dari segi amalannya, sesuatu akaun bersama akan tertakluk pada terma dan syarat yang akan diputuskan oleh pihak bank. Pada kebiasaannya salah satu klausa yang terpakai ialah klausa kemandirian (*survivorship clause*). Pemegang akaun bersama ini bersetuju jika salah seorang daripada mereka meninggal dunia, baki akaun tersebut akan dibayar kepada pemegang akaun yang masih hidup.

Dalam kes *Latifah bte Mat Zin lwn Rosmawati bte Sharibun & Anor*,¹³ Mahkamah Rayuan telah menyatakan bahawa undang-undang perbankan tentang hak kemandirian dalam akaun bersama pada hakikatnya tidak wujud dalam bentuk bertulis sebagai undang-undang Persekutuan dan sememangnya satu perkara berkaitan kontrak yang tidak memberikan milikan kemandirian benefisiari itu terhadap wang dalam akaun bersama. Klausa kemandirian atau hak kemandirian hanya memberikan hak kepada yang masih hidup itu untuk menerima wang tersebut. Keadaan ini membolehkan bank membayar wang dalam akaun bersama kepada orang yang masih hidup. Dengan cara ini, pihak bank akan mendapat pelepasan daripada terus bertanggungjawab terhadap wang tersebut. Akan tetapi, persoalan sama ada orang yang masih hidup itu berhak secara benefisial terhadap wang tersebut adalah sama sekali bukan dalam skop bank atau undang-undang perbankan. Hal ini dikatakan demikian kerana klausa kemandirian sahaja tidak memberikan milikan benefisial yang membolehkan pemegang akaun yang masih hidup berhak terhadap kesemua wang tersebut. Dalam sesetengah keadaan, pemegang akaun yang masih hidup bertindak sebagai pentadbir harta pusaka si mati dan dalam keadaan yang lain, pemegang akaun yang masih hidup mungkin berhak kepada keseluruhan atau sebahagian wang dalam akaun bersama itu. Jika terdapat pertikaian, perkara ini haruslah diputuskan oleh mahkamah.

Dalam konteks orang Islam khususnya, status wang dalam akaun bersama telah diputuskan dalam kes *Jariah binti Yahya & 3 Lagi lwn Nor Hasiah binti Harun*.¹⁴ Dalam kes ini, Mahkamah Rayuan Syariah telah mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi Syariah Seremban yang memutuskan bahawa wang simpanan yang didepositkan dalam akaun bersama antara si mati dengan anak perempuan si mati daripada perkahwinan ketiganya (responden) merupakan harta hibah daripada si mati kepada responden.

13 [2006] 4 MLJ 705.

14 (2010) 31JH 81..

Pemilikan penuh dan kesempurnaan harta hibah telah berlaku berdasarkan penelitian hukum syarak dan peruntukan undang-undang. Oleh yang demikian, wang berkenaan tidak dikira sebagai harta pusaka si mati. Dari segi fakta, hakim memutuskan antara lainnya bahawa tindakan responden dengan sendirinya boleh melakukan transaksi akaun bank menunjukkan bahawa responden juga merupakan pemilik akaun bank tersebut. Selain itu, perbuatan responden yang telah menguruskan mahupun mengeluarkan semasa hayat dan selepas kematian si mati menunjukkan penguasaan terhadap harta tersebut. Keadaan ini menunjukkan telah berlakunya *qabd* (penerimaan dan penguasaan) dan pemilikan pada harta yang dihibahkan. Oleh yang demikian, telah berlakunya hibah berasaskan rukun hibah yang ditetapkan oleh hukum syarak.

Berdasarkan kes yang tersebut dapatlah dirumuskan bahawa dari sudut perbankan, sesuatu klausa kemandirian tidak memberikan milikan benefisial secara automatik kepada pemegang akaun bersama yang masih hidup. Walau bagaimanapun, sesuatu wang dalam akaun bersama menjadi milik pemegang akaun bersama sekiranya dapat dibuktikan bahawa pemegang akaun tersebut mempunyai penguasaan penuh terhadap akaun berkenaan ketika hayat si mati.

(2) Harta Penama

Penamaan merupakan suatu proses apabila seseorang yang telah mengambil polisi insurans atau telah membuat simpanan atau mencarum dalam institusi, seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Koperasi, telah menamakan orang-orang tertentu untuk memperoleh faedah daripada polisi insurans atau tabungan berkenaan apabila dia meninggal dunia.¹⁵ Harta penama terbahagi kepada tiga (3)¹⁶ kategori dan adalah seperti yang berikut:

(a) Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

Bagi orang bukan Islam, sekiranya si mati telah menamakan penama ketika hidupnya, penama tersebut akan mewarisi secara mutlaknya semua jumlah wang yang dikreditkan dalam akaun ahli yang mati tersebut tanpa mengira terma wasiat dan testamen terakhir pewasiat kerana wang caruman tersebut tidak dianggap sebagai harta pusaka si

15 Pawancheek bin Marican, "The Legal Effect of Nomination by Muslims", [1997] 2 *MLJ* cxxxviii.

16 Rafie bin Omar, 2012. "Isu Penamaan Harta Alih dan Penyelesaian", Kertas kerja Konvensyen Pewarisan 2012. Fakulti Undang-undang UiTM. 24 Mei.

mati. Jika orang yang dinamakan itu berumur di bawah lapan belas tahun, maka tiada apa-apa pembayaran yang boleh dibuat kepada orang yang dinamakan itu sehingga dia mencapai umur itu. Walau bagaimanapun, jika dapat ditunjukkan bahawa suai manfaat jumlah wang yang dinamakan atau mana-mana bahagiannya hendaklah dibayar dan digunakan bagi nafkah atau selainnya bagi faedah orang yang dinamakan itu, pembayaran boleh dibuat kepada mana-mana orang, tertakluk pada penyempurnaan suatu aku janji oleh orang itu bahawa wang tersebut digunakan semata-mata bagi nafkah dan faedah orang yang dinamakan itu. Kaedah dan cara sebegini juga terpakai sekiranya orang yang dinamakan itu tidak berupaya dari segi perubatan untuk menguruskan dirinya atau hal ehwalnya, atau penama yang dilantik tidak memiliki kesempurnaan akal untuk menguruskan diri dan hartanya.¹⁷

Bagi pencarum atau ahli yang beragama Islam, hak dan kedudukan penama adalah berbeza berbanding dengan orang bukan Islam. Wang caruman tersebut merupakan sebahagian harta pusaka si mati yang tertakluk pada skim pembahagian di bawah undang-undang faraid. Penamaan hanya akan memudahkan dan mempercepat pembayaran wang caruman kepada penama yang hanyalah bertindak sebagai wasi dan bukan semata-mata sebagai benefisiari kepada wang caruman tersebut.¹⁸ Peruntukan ini selari dengan fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam pada 9 Oktober 1973¹⁹ dan 19 September 2000²⁰ khususnya bahawa wang caruman KWSP yang diterima oleh penama dipegang semata-mata atas amanah untuk waris-waris di bawah faraid. Oleh itu, apabila seorang ahli yang beragama Islam mati setelah penamaan dibuat maka orang atau orang-orang yang dinamakan tersebut hendaklah menerima amaun yang berada dalam kredit itu sebagai wasi dan bukan semata-mata sebagai benefisiari. Dia seterusnya hendaklah membahagi-bahagikan amaun itu mengikut undang-undang Islam.

Pertikaian mengenai kedudukan penama ini mungkin timbul dalam keadaan si mati sebagai saudara baharu Islam, terutamanya apabila

17 Peraturan 9(1) Peraturan-Peraturan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 2001.

18 Peraturan 9(2) Peraturan-Peraturan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 2001.

19 Fatwa menyatakan "Penama-penama wang Kumpulan Simpanan Pekerja, Wang Simpanan Pejabat Pos, Bank, Insurans dan Syarikat Kerjasama adalah sebagai orang-orang yang melaksanakan wasiat si mati atau wasi. Mereka boleh menerima wang si mati daripada sumber-sumber tersebut untuk dibahagi-bahagikan kepada orang-orang yang berhak menurut pembahagian faraidh", [1974] 1 *MLJ* x.

20 Fatwa menyatakan bahawa "Wang KWSP dan wang disimpan merupakan pusaka yang mesti dibahagikan mengikut hukum faraid. Penama KWSP ialah wasi atau pentadbir harta. Penama hendaklah membahagikan wang KWSP (peninggalan si mati) mengikut hukum faraid." <<http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan>> capaian pada 17 Februari 2013.

sesuatu penamaan itu dibuat sebelum si mati memeluk agama Islam dan menamakan warisnya yang bukan Islam. Dari aspek perundangan, perkara berkenaan wang caruman KWSP tertakluk pada Akta KWSP 1991 serta Peraturannya.²¹ Perkara yang berkaitan dengan orang Islam pula yang melibatkan penentuan harta pusaka perlu tertakluk pada undang-undang Islam. KWSP pula tidak terikat dengan Undang-undang Islam. Oleh itu, dari sudut praktis terdapat kes wang caruman KWSP seseorang pencarum yang telah memeluk agama Islam diberikan kepada penama yang bukan seorang Islam dan dia menerimanya sebagai benefisiari kepada wang caruman tersebut. Secara asasnya, amalan sebegini bercanggah dengan undang-undang pewarisan Islam dan fatwa yang dikeluarkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali ke-61 yang bersidang pada 27 Jan 2004,²² antara lainnya:

Muzakarah telah memutuskan bahawa mengikut hukum syarak, orang bukan Islam tidak berhak mewarisi harta orang Islam dan begitulah sebaliknya. Jika seseorang bukan Islam memeluk Islam dan mempunyai simpanan KWSP dan telah menamakan penama orang bukan Islam maka hendaklah menukar penama tersebut kepada orang Islam. Jika tiada penama orang Islam dan tiada waris Islam yang berhak ke atas harta tersebut setelah beliau meninggal dunia maka harta itu tidak menjadi hak kepada penama yang bukan Islam, sebaliknya hendaklah diserahkan kepada Baitumal; dan Orang Islam boleh membuat wasiat kepada orang bukan Islam tidak melebihi 1/3 daripada hartanya.

Jika si mati tidak melantik mana-mana penama semasa hidupnya, wang caruman akan dibayar kepada sesiapa yang mengemukakan surat kuasa mentadbir atau geran probet atau Perintah Pembahagian (mengikut mana yang berkenaan) bersama borang EPF 9 KM (AHL) yang telah dilengkapkan.

(b) Wang atau Saham Koperasi

Pemindahan dan pembayaran pulangan²³ atau kepentingan dalam pertubuhan koperasi apabila berlakunya kematian tertakluk pada seksyen 24 Akta Koperasi 1993.²⁴ Jika anggota yang mati bukan beragama Islam,

21 Peraturan-Peraturan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 2001.

22 <<http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan>> diakses pada 17 Februari 2013.

23 "Pulangan" termasuklah apa-apa bentuk sewaan, pulangan, dividen atau faedah, termasuk apa-apa fi atau hadiah, yang kena dibayar atau akan diberikan berhubung dengan apa-apa urusan niaga, transaksi atau surat cara. Lihat seksyen 2, Akta Koperasi 1993.

24 Akta 502.

suatu koperasi boleh memindahkan dan membayar nilai pulangan atau kepentingan anggota yang mati itu kepada orang yang dinamakan bagi maksud itu. Jika tiada penama yang dilantik, pindahan boleh dibuat kepada waris atau wakil di sisi undang-undang bagi anggota yang mati itu. Walau bagaimanapun, sekiranya penama, waris atau wakil tersebut tidak layak untuk menjadi anggota koperasi, maka permohonan boleh dibuat kepada koperasi dalam masa enam bulan daripada kematian anggota itu untuk memindahkan pulangan atau kepentingan anggota itu kepada mana-mana orang yang layak menjadi anggota koperasi. Berdasarkan peruntukan ini, harta koperasi anggota yang bukan Islam akan menjadi milik penama kecuali tiada penamaan dibuat oleh anggota tersebut semasa hayatnya.

Bagi anggota yang beragama Islam, pulangan atau kepentingan anggota yang mati itu akan dipindahkan dan dibayar kepada wakil si mati mengikut undang-undang bagi anggota yang mati itu atau kepada orang yang berhak mendapat pulangan atau kepentingan itu menurut apa-apa pembahagian yang dibuat di bawah undang-undang yang berhubungan dengan pembahagian harta pusaka. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa harta koperasi bagi orang Islam dikategorikan sebagai harta pusaka dan perlu dibahagikan kepada waris-waris yang berhak. Peruntukan ini adalah selari dengan keputusan mahkamah dalam kes *Re Ismail bin Rentah, deceased*.²⁵ Dalam kes ini, seorang anggota pertubuhan koperasi telah mati meninggalkan beberapa benefisiari dan harta bernilai RM 519.42. Sebanyak RM 271.58 terdiri daripada saham atau kepentingan di koperasi. Semasa hidup, si mati telah menamakan anak perempuannya sebagai benefisiari kepada saham tersebut. Isu yang perlu diputuskan oleh mahkamah ialah sama ada wang si mati sepatutnya diberikan kepada penama semata-mata atau dibahagikan antara waris menurut undang-undang syariah. Hakim Raja Musa telah memutuskan bahawa penamaan tersebut tidak memberikan hak kepada penama untuk mengambil manfaat daripada hadiah atau penamaan tersebut. Peruntukan seksyen 22 Enakmen Pertubuhan Koperasi (peruntukan yang sama dengan seksyen 24 Akta Koperasi 1993) tidak menolak undang-undang syariah. Memandangkan pemberian tertakluk pada undang-undang syariah maka hal ini memerlukan persetujuan kesemua waris dan jika perkara ini gagal diperoleh menyebabkan pemberian tersebut tidak sah di sisi syarak. Dengan itu, penama atau

25 [1939] FMSLR 230.

anak perempuan si mati memegang wang tersebut sebagai pemegang amanah dan perlu membahagikan jumlah tersebut kepada waris.

(c) Penamaan pada Polisi Insurans dan Takaful

Penamaan dalam insurans tertakluk pada Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Seksyen 130 Jadual Kesepuluh Akta tersebut memperuntukkan berkenaan dengan pembayaran wang polisi jika terdapat penamaan. Bagi yang bukan beragama Islam, apabila berlaku kematian pemunya polisi, wang polisi tersebut akan dibayar kepada orang yang dinamakan dan penama tersebut perlu membuat tuntutan kepada penanggung insurans berlesen yang berkenaan. Kegagalan pihak penama untuk menuntut wang polisi dalam tempoh dua belas (12) bulan selepas penanggung insurans berlesen menyedari tentang kematian pemunya polisi akan menyebabkan wang polisi tersebut dibayar menurut cara seolah-olah tiada penamaan telah dibuat. Bagi orang bukan Islam, wang polisi tersebut tidak akan menjadi sebahagian daripada harta pusaka pemunya polisi yang mati dan tidak tertakluk pada hutangnya.²⁶

Jika penama selain daripada pasangan atau anak atau ibu bapa kepada pemunya polisi, maka penama tersebut akan menerima wang polisi itu sebagai seorang wasi dan bukan semata-mata sebagai seorang benefisiari dan hendaklah membahagikan wang polisi itu menurut terma-terma wasiat si mati. Sekiranya tidak ada apa-apa wasiat, pembahagian wang polisi tersebut perlu dibuat menurut undang-undang yang terpakai kepada pentadbiran, pembahagian dan pelupusan harta pusakanya.²⁷ Jika pemunya polisi telah menyatakan sebaliknya semasa penamaan dibuat, maka penama tersebut akan menerima wang polisi berkenaan sebagai benefisiari.²⁸ Dalam keadaan pemunya polisi berkenaan mati tanpa membuat suatu penamaan, maka penanggung insurans berlesen hendaklah membayar wang polisi tersebut kepada pemohon yang mengemukakan geran probet atau surat kuasa mentadbir atau perintah pembahagian (menurut mana yang berkenaan).²⁹

Walau bagaimanapun, dalam konteks orang Islam, kedudukan ataupun status pampasan polisi insurans konvensional selepas kematian pembeli polisi telah diputuskan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali ke-94 yang bersidang pada 20 -22 April 2011 seperti yang berikut:

26 Seksyen 130, Jadual Kesepuluh, Perenggan 5(2), Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.

27 Seksyen 130, Jadual Kesepuluh, Perenggan 6(2), Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.

28 Seksyen 130, Jadual Kesepuluh, Perenggan 2(4)(a), Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.

29 Seksyen 130, Jadual Kesepuluh, Perenggan 8, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.

- (1) Setelah meneliti keterangan, hujah dan pandangan yang dikemukakan, muzakarah berpandangan bahawa insurans konvensional merupakan suatu muamalah yang tidak patuh syariah kerana mempunyai elemen yang bercanggah dengan prinsip teras Islam.
- (2) Sehubungan itu, muzakarah bersetuju memutuskan bahawa pampasan polisi insurans konvensional yang diterima oleh ahli waris dikira sebagai harta tidak patuh syariah.
- (3) Dalam hal ini, jumlah bayaran pokok pembeli polisi ketika hayat sahaja dikategori sebagai harta peninggalan si mati yang perlu diagihkan secara sistem faraid. Baki pampasan polisi insurans konvensional tersebut tidak boleh diwarisi oleh ahli waris secara sistem faraid serta wajib dilupuskan dengan diserahkan sama ada kepada pihak Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri-negeri atau didermakan untuk tujuan kebajikan termasuklah kepada golongan fakir miskin.
- (4) Jika terdapat ahli waris pembeli polisi, contohnya isteri atau anak-anak pembeli polisi dikategorikan sebagai golongan fakir dan miskin, maka hukumnya adalah harus bagi ahli waris tersebut untuk mengambil wang pampasan polisi insurans konvensional tersebut dengan jumlah sekadar keperluan sebagai fakir dan miskin setelah disahkan oleh pihak berkuasa atau jawatankuasa Kariah kawasan berkenaan. Baki wang pampasan polisi tersebut perlulah dilupuskan mengikut cara yang telah dinyatakan dalam perkara (3) di atas.

Kesimpulannya, bagi wang pampasan insurans konvensional, hanya sebahagian sahaja, iaitu, jumlah pembayaran pokok yang dikategorikan sebagai harta pusaka. Baki wang tersebut perlu dilupuskan sama ada dengan menyerahkan kepada Baitulmal ataupun didermakan kepada fakir miskin.

Bagi penamaan yang dibuat di bawah sijil takaful keluarga dan sijil takaful kemalangan diri, hal ini tertakluk pada Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Berdasarkan seksyen 142 Jadual Kesepuluh Akta berkenaan, seseorang peserta takaful boleh menentukan bahawa orang yang dinamakan itu akan menerima bayaran manfaat takaful sama ada sebagai wasi ataupun sebagai benefisiari di bawah hibah bersyarat.³⁰ Jika seseorang itu dinamakan sebagai penama yang akan menerima manfaat takaful sebagai benefisiari selepas kematian peserta takaful berkenaan, maka pembayaran akan dibuat seperti yang dinyatakan dan manfaat takaful tersebut dan tidak menjadi sebahagian daripada harta

³⁰ Seksyen 142, Jadual Kesepuluh, Perenggan 2(1), Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

pusaka peserta takaful yang mati itu ataupun tertakluk pada hutangnya.³¹ Perenggan 13(2) Jadual Kesepuluh, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 pula jelas memperuntukkan bahawa peruntukan di bawah Jadual ini mempunyai kesan dan kuat kuasa penuh walaupun tidak selaras atau bertentangan dengan mana-mana undang-undang bertulis berkenaan dengan probet, pentadbiran, pembahagian atau pelupusan harta pusaka si mati, atau dalam mana-mana amalan atau adat yang berkaitan dengan perkara tersebut.

Perlu dinyatakan bahawa sebelum penguatkuasaan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, seseorang penama bagi harta si mati yang beragama Islam seperti penama bagi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Tabung Haji malah bagi insurans konvensional sekalipun hanyalah merupakan seorang wasi atau wakil si mati kerana harta sebegini ditakrifkan sebagai harta pusaka dan tertakluk pada pembahagian secara faraid. Kedudukan penama ini tidak hanya diputuskan oleh fatwa tetapi juga telah diperuntukkan melalui undang-undang bertulis, seperti Peraturan-Peraturan Wang Simpanan Pekerja 2001, Peraturan-Peraturan Lembaga Tabung Haji (Deposit dan Pengeluaran) 2002 dan juga Akta Insurans 1996.³²

Perlu ditekankan bahawa sesuatu harta akan dianggap sebagai harta pusaka jika diperolehi selepas kematian berpunca daripada usaha atau sumbangan si mati semasa hidupnya.³³ Oleh sebab sumbangan takaful itu dibuat semasa hayat peserta takaful, maka manfaat takaful dapat dianggap sebagai harta pusaka si mati. Oleh itu, jika sesuatu penamaan takaful itu menyatakan bahawa penama akan menerima manfaat takaful sebagai benefisiari, perkara ini sepatutnya tertakluk pada hukum wasiat dan penamaan yang dibuat di bawah hibah bersyarat tidak sepatutnya membatalkan kedudukan manfaat takaful tersebut sebagai harta pusaka. Oleh yang demikian, dicadangkan bahawa kajian yang lebih mendalam perlu dibuat bagi membincangkan kedudukan penamaan bagi tujuan pembayaran manfaat takaful di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

(d) Penamaan Simpanan di Lembaga Tabung Haji

Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) merupakan perbadanan

³¹ Seksyen 142, Jadual Kesepuluh, Perenggan 3(2), Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

³² Akta Insurans 1996 telah dimansuhkan oleh Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 berkuat kuasa pada 30 Jun 2013.

³³ Lihat penghakiman Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dalam kes *Wan Shahrman bin Wan Suleiman & Seorang Lagi, lwn Siti Nurhayati binti Mohd Daud* (2012) 35 JH 286.

berkanun yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan dengan tujuan utama membiayai kos untuk mengerjakan haji di Mekah. Penamaan di bawah LUTH tertakluk pada Akta Tabung Haji 1995 dan Peraturan-peraturan Lembaga Tabung Haji (Deposit dan Pengeluaran) 2002. Peraturan 7(1) telah menetapkan bahawa pemegang akaun atau penyimpan yang berumur 18 tahun ke atas boleh melantik penama daripada waris yang berhak. Oleh itu, jika pendeposit meninggal dunia maka wang simpanan tersebut akan dibayar kepada penama atau mana-mana waris untuk dibahagikan jumlah tersebut mengikut hukum syarak.³⁴

Kesan suatu penamaan yang dibuat oleh pendeposit boleh dilihat daripada keputusan Hakim Mahkamah Syariah, YA Ismail Yahya dalam kes *Wan Puziah binti Wan Awang Iwn Wan Abdullah bin Muda & Yang Lain*.³⁵ Dalam kes ini, si mati telah membuat penamaan bagi wang simpanannya di Tabung Haji pada 9 Januari 1975. Si mati telah menamakan dua orang tertentu sebagai orang-orang yang berhak terhadap wang simpanan tersebut, iaitu suaminya dan anak angkatnya yang merupakan plaintif dalam kes ini. Yang Arif Hakim telah memutuskan bahawa penamaan yang dibuat oleh si mati kepada anak angkatnya terhadap separuh (1/2) bahagian³⁶ daripada baki akaun Tabung Haji si mati adalah suatu wasiat. Separuh bahagian lagi baki untuk suami si mati (yang meninggal dunia sebelum si mati) adalah tidak sah kerana terbatal atau dibatalkan dengan kematian penama atau berikutan wasiat yang dibuat kepada waris.³⁷

Walau bagaimanapun, dalam penghakimannya, Yang Arif Hakim telah menyatakan secara jelas bahawa kedudukan penamaan di Tabung Haji pada masa sekarang adalah berbeza dengan penamaan yang dibuat pada awal penubuhan Tabung Haji sehingga 6 Jun 1975. Ayat-ayat semasa penamaan di Tabung Haji ketika waktu itu lebih menjurus kepada pembentukan sesuatu wasiat. Ayat-ayat penamaan selepas 6 Jun 1975 sehingga kini telah menyatakan secara jelas bahawa wang simpanan Tabung Haji hendaklah

34 Peraturan 8(1) Peraturan-peraturan Lembaga Tabung Haji (Deposit dan Pengeluaran) 2002.

35 [2001] JH 235.

36 Mahkamah telah mendapati bahawa nilai ½ bahagian daripada jumlah amaun keseluruhan simpanan tersebut adalah tidak melebihi 1/3 daripada jumlah keseluruhan harta si mati. Hal ini adalah selari dengan syarat wasiat, iaitu sesuatu wasiat kepada bukan waris hanyalah boleh dibuat setakat 1/3 daripada jumlah harta si mati. Lihat Ismail Yahya, "Pelaksanaan Wasiat di Mahkamah Syariah: Teori dan Praktis", [2004] 17(1) JH 1.

37 Keputusan ini telah dikekalkan oleh Mahkamah Rayuan Syariah dengan sedikit pindaan, iaitu plaintif diarahkan bersumpah *nafyu ilmi* (penafian mengetahui atau ada diberitahu berlakunya penarikan balik) pemberian tersebut. Lihat *Wan Abdullah bin Wan Muda dan Seorang Lagi Iwn Wan Puziah binti Wan Awang* (2006) 19 JH 295.

dibayar kepada pemegang amanah yang dinamakan oleh pendeposit wang simpanan tersebut. Oleh itu, apabila berlakunya kematian pendeposit, penama hanyalah bertindak sebagai wakil kepada waris si mati untuk menerima wang simpanan tersebut dan mestilah membahagikan wang tersebut mengikut kehendak hukum syarak.³⁸

(3) Pencen Terbitan

Seksyen 14 Akta Pencen 1980³⁹ memperuntukkan perkara mengenai pencen atau ganjaran terbitan jika seseorang pegawai berpencen meninggal dunia dalam tempoh perkhidmatannya. Dalam kes sedemikian, pembayaran pencen terbitan dan ganjaran terbitan boleh dibuat kepada orang-orang yang layak menerima bayaran tersebut. Jumlah pencen terbitan yang akan dibayar adalah tidak kurang satu per lima daripada gaji akhir yang diterima oleh pegawai yang meninggal dunia itu.

Jika seseorang pegawai berpencen mati selepas bersara, pembayaran pencen terbitan yang sama banyaknya dengan amaun pencen yang diterima oleh pegawai berkenaan semasa hayatnya, boleh dibuat kepada orang-orang yang layak untuk menerima pencen tersebut. Pembayaran tersebut akan dibayar kepada balu atau duda dan/atau anak dengan sewajarnya.

Umumnya, pencen terbitan tidak termasuk sebahagian harta pusaka si mati. Dalam keadaan seorang Islam, mengikut fatwa yang dikeluarkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia pada 12 September 1988⁴⁰, diputuskan bahawa ganjaran terbitan dan pencen terbitan tidak termasuk sebagai harta pusaka, maka kaedah pembahagiannya tidak tertakluk pada kaedah pembahagian harta pusaka. Oleh itu, pencen terbitan tidak termasuk dalam harta si mati yang perlu dibahagikan menurut undang-undang pewarisan Islam atau undang-undang faraid.

(4) Pembayaran *Ex-gratia*

Pembayaran *ex-gratia* merupakan suatu bentuk ganti rugi atau pampasan dan bersifat percuma. Dalam pembayaran ini penerima tidak dikehendaki untuk membuat sumbangan atau caruman terdahulu bagi melayakkannya mendapat jumlah tersebut. Bagi anggota perkhidmatan awam, pembayaran

38 Kedudukan penama sebagai pemegang amanah kepada wang simpanan Tabung Haji adalah selari dengan peruntukan di bawah Peraturan 8, Peraturan-peraturan Lembaga Tabung Haji (Simpanan dan Pengeluaran) 2002.

39 Akta 227.

40 <<http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan>> diakses pada 17 Februari 2013.

ex-gratia bencana kerja diperuntukkan kepada anggota yang ditimpa bencana kerja semasa menjalankan tugas rasmi hingga menyebabkan hilang upaya kekal atau kematian termasuk yang teraniaya disebabkan perbuatan balas dendam akibat daripada tindakan semasa menjalankan tugas rasmi.⁴¹ Bagi kes bencana kerja yang menyebabkan kematian, bayaran *ex-gratia* akan dibuat kepada orang tanggungan anggota yang meninggal dunia tersebut. Bagi anggota yang berkeluarga, orang tanggungan ialah suami atau isteri dan anak-anak.⁴² Bagi anggota yang masih bujang pula, orang tanggungan merupakan ibu dan bapa⁴³ anggota yang meninggal dunia itu. Pembayaran *ex-gratia* kepada orang tanggungan si mati sahaja jelas menunjukkan bahawa *ex-gratia* tidak dikira sebagai harta pusaka si mati dan tidak akan dibahagikan kepada ahli waris yang lain.

Walau bagaimanapun, dalam kes *Wan Shariman bin Wan Suleiman & Seorang Lagi lwn Siti Nurhayati binti Mohd Daud*⁴⁴, pembayaran *ex-gratia* oleh kerajaan kepada si mati selepas kematiannya telah diputuskan sebagai sebahagian daripada harta pusaka si mati. Dalam kes ini, anak-anak lelaki kepada si mati melalui perkahwinan pertamanya telah memulakan tindakan di Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Lumpur terhadap balu si mati, untuk mendapatkan suatu deklarasikan bahawa wang *ex-gratia* yang dibayar oleh kerajaan kepada si mati, yang merupakan bekas hakim Mahkamah Sivil, merupakan sebahagian harta si mati dan perlu dibahagikan antara waris menurut faraid. Mahkamah Tinggi Syariah⁴⁵ telah menolak permohonan anak-anak lelaki tersebut dan memutuskan bahawa wang *ex-gratia* bukanlah harta pusaka si mati kerana pemberian wang *ex-gratia* berkenaan diperolehi dengan usaha si mati semasa hidup dan si mati tidak pernah membuat apa-apa tuntutan kepada kerajaan bagi mendapatkan wang berkenaan.

Walau bagaimanapun, hakim-hakim Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan telah mengetepikan keputusan Mahkamah Tinggi Syariah dan memutuskan bahawa pembayaran *ex-gratia* dalam kes ini merupakan harta pusaka si mati. Keputusan ini berdasarkan sifat pemberian *ex-gratia* tersebut sebagai sugu hati atau ganjaran daripada kerajaan sebagai balasan atas kesengsaraan si mati kerana pemecatan beliau sebagai seorang hakim

41 Berdasarkan Skim *Ex-Gratia* Bencana Kerja. Lihat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2001.

42 Anak merujuk anak kandung, anak tiri yang disara dan tinggal bersama anggota semasa bencana, anak tak sah taraf, anak angkat di bawah mana-mana undang-undang bertulis dan anak *posthumous* (anak yang dilahirkan selepas kematian anggota dengan syarat anak tersebut dikandung semasa anggota masih hidup dan lahir dalam tempoh 280 hari kandungan biasa).

43 Ibu bapa kandung, ibu bapa tiri atau ibu bapa angkat yang pertalian kekeluargaan adalah sah di sisi undang-undang.

44 (2012) 35 *JH* 286.

45 *Wan Shariman Wan Suleiman lwn Siti Nurhayati Mohd Daud* [2010] 1 *CLJ* (Sy) 85.

semasa hayatnya. Oleh yang demikian, walaupun *ex-gratia* tersebut merupakan harta yang diperoleh selepas kematian si mati, tetapi berpunca daripada usaha semasa hidup walaupun si mati sebenarnya tidak berniat untuk memperolehnya.

Kes di atas jelas menunjukkan bahawa dalam konteks pusaka, sesuatu harta masih akan dianggap harta pusaka jika berpunca daripada usaha dan apa yang telah berlaku kepada si mati semasa hayatnya. Oleh sebab perolehan itu timbul daripada kesengsaraan si mati semasa hidup, maka *ex-gratia* tersebut dianggap sebagai harta pusaka. Akan tetapi, bagi kes pembayaran *ex-gratia* yang terbit atas sebab berlakunya kematian, bayaran tersebut bukanlah merupakan harta pusaka si mati. Kesimpulannya, sesuatu harta yang diperoleh dalam apa-apa bentuk atau jenis pembayaran sekalipun bukanlah sesuatu yang muktamad untuk dikenal pasti sebagai harta pusaka atau sebaliknya. Status harta sebagai harta pusaka atau sebaliknya bergantung pada sifat dan tujuan pembayaran berdasarkan fakta sesuatu kes tertentu.

KESIMPULAN

Harta pusaka merujuk semua harta peninggalan si mati selepas kematiannya sama ada diperoleh semasa hidup ataupun selepas kematiannya, iaitu harta yang diperoleh selepas kematian si mati berikutan usaha yang dilakukan semasa hidupnya. Namun, kepelbagaian bentuk harta pusaka terutamanya harta alih yang ditinggalkan oleh si mati mengundang pelbagai polemik sama ada sesuatu harta alih itu merupakan harta pusaka ataupun tidak. Kewujudan pelbagai statut undang-undang berkaitan dengan kedudukan sesuatu harta alih juga menyumbang kepada ketidakselarasan antara status harta tersebut di bawah undang-undang sivil dan syariah. Oleh itu, peruntukan undang-undang yang khusus berkenaan dengan harta pusaka hendaklah diwujudkan supaya ciri atau syarat khusus untuk menentukan harta pusaka dapat dikenal pasti dan diseragamkan. Kepentingan bagi menentukan sesuatu harta sebagai harta pusaka juga memerlukan kesedaran yang tinggi dalam kalangan ahli waris si mati supaya hak orang lain yang bersangkutan dengan harta pusaka tersebut mendapat perhatian sewajarnya.

RUJUKAN

- Akta Koperasi 1993(Pindaan 2007) [Akta 502].
Akta Pencen 1980 [Akta 227].
Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.
Abdul Hamid Mohamad, “Harmonisation of Common Law and Shariah in Malaysia: A Practical Approach” dlm. *The Law Review*, 1-11, 2009.
Abdul Kadir Muhammad, “Harta Penama Bukan Harta Pemberian dan Wasiat” dlm. *Jurnal Syariah* 5:2, hlm. 161-65, 1997.
Akmal Hidayah Halim, 2012. *Administration of Estates in Malaysia: Law and Procedure*. Petaling Jaya: Sweet & Maxwell Asia.
<http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan>> capaian pada 17 Februari 2013.
Ismail Yahya, “Pelaksanaan Wasiat di Mahkamah Syariah: Teori dan Praktis”, [2004] 17(1) *JH* 1.
Jariah Binti Yahya & 3 Ors *lwn* Nor. Hasiyah Binti Harun [2010] 31 (1) *JH* 81.
Md Ghazali Ibrahim, 2009. *Bahagi Biar Adil*. Kuala Lumpur: Mustread Sdn Bhd.
Md Yazid Ahmad dan Hayatullah Laluddin, “Pengurusan Harta Pusaka: Permasalahan Sikap Masyarakat Islam di Malaysia dan Penyelesaiannya Menurut Perspektif Islam” dlm. *Shariah Law Reports* 4, 30-54, 2010.
Mohamad Asmadi Abdullah *et al.*, “Is a Nominee a Trustee or a Beneficiary? A Study on the Islamic Legal Maxim in Contracts Effects is Given to Intention and Meaning and not Words and Forms and its Relevance to the Nomination Concept and Practice in the Administration of a Muslim’s Estate in Malaysia” dlm. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences* 6:11 (Special Issue), hlm.153-59, 2012.
Mohd Daud Bakar, “Instrumen Fatwa dalam Perkembangan Perundangan Islam” dlm. *Jurnal Syariah* 5:2, hlm. 1-14, 1997.
Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2001.
Pawancheek bin Marican, “The Legal Effect of Nomination by Muslims”, [1997] 2 *MLJ* cxxxviii-cxlvii.
Pawancheek Marican, 2008. *Islamic Inheritance Laws in Malaysia*. Edisi kedua. Petaling Jaya: Lexis Nexis, MLJ Sdn Bhd.
Peraturan 9(1) Peraturan-Peraturan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 2001.
Peraturan 8(1) Peraturan-peraturan Lembaga Tabung Haji (Deposit dan Pengeluaran) 2002.
Peraturan-peraturan Lembaga Tabung Haji (Simpanan dan Pengeluaran) 2002.
Rafie Omar, 2012. “Isu Penamaan Harta Alih dan Penyelesaian”. Kertas kerja Konvensyen Perwarisan Harta Islam Malaysia Siri ke-2: Transformasi Perwarisan Harta Islam dianjurkan oleh Persatuan Perwarisan Harta Islam Malaysia (PEWARISAN) 24 Mei 2012 Fakulti Undang-undang UiTM.
Re Ismail Rentah (1939) *FMSLR* 230.
Rosmawati bte Sharibun [2006] 4 *MLJ* 705 (MCA).

Seksyen 2, Akta Koperasi 1993.

SEL. P.U. 8/2008. Kaedah-Kaedah Pengurusan Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 2008.

Suwaid Tapah, “Undang-undang Pentadbiran Fatwa di Malaysia” dlm. *Jurnal Syariah* 1(2), 347-55,1993.

Wan. Abdullah Bin Muda & Anor. [2001] XIV (II) *JH*. 235.

Wan Abdullah bin Wan Muda dan Seorang Lagi *lwn* Wan Puziah binti Wan Awang (2006) 19 *JH* 295.

Wan Shahrman b. Wan Suleiman & Seorang Lagi, *lwn* Siti Nurhayati binti Mohd Daud (2012) 35 *JH* 286.

Wan Shariman Wan Suleiman *lwn* Siti Nurhayati Mohd Daud [2010] 1 *CLJ* (Sya) 85.